

Buang bayi lelaki dalam semak

Star 28/6/2011 24.

Ditemui bertali pusat berdekatan tali air di Kampung Permatang Machang

ROSMIZA KASIM & ZAIMATULJUWITA ABD MANAF

KOTA BHARU - Seorang bayi lelaki masih bertali pusat ditemui selamat di bawah rumpun serai kayu berdekatan tali air di Kampung Permatang Machang, Jelawat semalam.

Bayi seberat 2.8 kilogram berkenaan ditemui seorang penduduk berusia 29 tahun kira-kira jam 11.30 pagi semalam dipercayai ditinggalkan di kawasan semak selepas dilahirkan beberapa jam sebelum itu.

Ia dikatakan diletakkan dalam beg kertas sebelum ditemui penduduk dan dipercayai baru dilahirkan kira-kira sejam sebelum ditinggalkan di tepi semak tersebut.

Bayi berkenaan juga bernasib baik kerana ia ditemui



Mazlan (dua, kiri) bersama Ghazali (kiri) melawat bayi lelaki yang ditempatkan di Wad 2 HRPZ II semalam selepas ditemui ditinggalkan di Bachok.

dengan segera dan sekiranya ditinggalkan dalam jangka yang masih lama kemungkin-

an akan mati kelemasan.

Timbalan Ketua Polis Negeri, Datuk Mazlan Lazim

berkata, bayi yang sihat tubuh badan tersebut dihantar ke sebuah klinik di Jelawat sebelum

“Bayi ini akan berada di bawah pemerhatian pihak hospital sebelum menerima sebarang arahan daripada pihak berkuasa.”

- Ghazali Hasni

ia dirujuk ke Hospital Raja Perempuan Zainab (HRPZ) II sejurus ditemui.

“Polis meminta orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung penemuan bayi itu supaya terus melaporkan di balai berdekatan dan kita kini masih mengesan ibu dan bapa kepada bayi ini.

“Kes ini disiasat di bawah Seksyen 317 Kanun Keseksaan,” katanya ketika ditemui di ketika melawat bayi berkenaan di HRPZ II semalam.

Sementara itu, Pengarah HRPZ II, Datuk Dr Ghazali Hasni Md Hassan berkata, pihaknya menerima bayi ber-

kenaan kira-kira jam 1.44 petang semalam di unit kecemasan sebelum di bawa masuk ke Wad 2 pada jam 4 petang.

Katanya, hasil pemeriksaan awal pihak hospital mendapati bayi yang masih bertali pusat itu berada dalam keadaan baik, cukup sifat tanpa sebarang kecederaannya.

“Bayi ini akan berada di bawah pemerhatian pihak hospital sebelum menerima sebarang arahan daripada pihak berkuasa,” katanya.

Dalam pada itu, Ketua Polis Daerah Bachok, Deputy Superintendan Yahya Salleh mengesahkan kes tersebut.